

20/02/2005

Anugerah isyarat kerja lebih keras

Oleh AHMAD FAUZI MUSTAFA

PADA usia 16 tahun, Dr Muhammad Uthman El-Muhammady sanggup mengayuh basikal dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur semata-mata mahu mendapatkan buku yang dikehendakinya.

Perjalanan membabitkan jarak pergi-balik kira-kira 1,000 kilometer membuktikan jiwa besar anak kelahiran Kampung Teluk Panji yang mahu memanfaatkan ilmu di dalam buku itu sehingga akhirnya mencorakkan kehidupan beliau sebagai seorang ulama kontemporari terkenal di negara ini.

Akhirnya, tokoh bersemangat kental itu menerima penghormatan tertinggi sebagai Tokoh Maal Hijrah 1426 baru-baru ini yang seharusnya dicontohi segenap lapisan masyarakat.

Wartawan Berita Minggu, AHMAD FAUZI MUSTAFA, menjejaki kehidupan tokoh ulama itu yang sentiasa mempunyai jadual padat sama ada mengajar, berdakwah, menghadiri forum dan seminar dalam dan luar negara, selain berulang-alik Kuala Lumpur-Kota Bharu atas urusan keluarga.

Kesempatan itu akhirnya diketemukan di kediaman kondominium Dr Muhammad Uthman yang terletak eksklusif di Desa Bistari, Bukit Damansara, di ibu negara baru-baru ini.

Anugerah isyarat kerja lebih keras

PEMILIHAN saya sebagai Tokoh Maal Hijrah 1426 adalah satu cabaran untuk saya bekerja lebih keras. Terima kasih banyak-banyak di atas keprihatinan kerajaan yang bersusah payah memberi penghormatan terhadap diri saya yang masih banyak serba kekurangan.

Hakikinya, penghormatan itu adalah sebagai pendorong dan pencetus semangat untuk terus menabur bakti dalam memartabatkan ketamadunan Islam.

Penghormatan itu bukan bermakna memberi isyarat titik noktah selepas keringat peluh yang selama ini mencurah-curah untuk menaikkan syiar Islam. Tetapi ia sebagai isyarat untuk kerja lebih kuat.

Ia satu tanggungjawab yang besar dalam memastikan ummah masa kini tidak tergelincir dari landasan Islam yang sebenar. Cabaran globalisasi yang bergerak dari arah dalaman dan luaran perlu dilihat dari pelbagai sudut supaya jangan sampai mengelirukan diri sendiri.

Di sinilah tipu muslihat dalam cabaran globalisasi boleh menenggelamkan ummah yang tidak berhati-hati. Atas faktor itu, saya berasakan terpanggil dalam mencari jalan bagi menanganinya menerusi kajian dan kertas kerja yang dihasilkan menerusi kekuatan minda yang Allah berikan selama ini.

Bersyukur mampu mentafsir al-Quran

PADA peringkat awal, saya banyak didedahkan kepada ilmu Islam dalam bidang yang mewakili al-Quran, hadis, teks sirah, usuluddin, tasauf, kaedah kajian dan tamadun Islam sehingga ke peringkat Sarjana yang mengkhususkan sesuatu penyelidikan.

Segala-galanya bermula secara tersusun di Universiti Malaya (UM) yang membuatkan minat saya semakin berkembang menjurus semua bidang itu.

Sebab itu saya ditakdirkan oleh Allah dengan izin-Nya kerana mampu menterjemahkan karya ulung penterjemah Islam terkemuka, Abdullah Yusuf Ali. Kalau seseorang itu sekadar mempunyai latar belakang fiqa' atau hadis tidak mungkin melakukan sesuatu terjemahan dengan baik.

Namun saya bersyukur melalui latar belakang bersifat kepelbagaian itu, saya mampu menterjemahkan dan menangani masalah semasa selepas berada lebih tiga dekad dalam soal akidah, pendidikan falsafah, kebudayaan dan kesusasteraan.

Menerusi kekuatan ilmu yang diperoleh, saya mampu mentafsir al-Quran, berkaitan akidah, etika, kesenian dan tradisi persuratan Melayu.

Antaranya ialah Al-Quranul-Karim , terjemahan dan Huraian Maksud - terjemahan dan huraian tambahan atas tafsir Inggeris oleh Abdullah Yusuf Ali; keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (5 jilid); Fathul Mu'in, terjemahan dan Huraian Maksud , terbitan Majlis Ugama Islam Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan; Peradaban dalam Islam terbitan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, edisi 1976 dan beberapa cetak-ulang; Memahami Islam terbitan Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1977; Islam, Peribadi, Tarbiah dan Institusi terbitan Majlis Ugama Islam Kelantan, 1987; Islam dan Kebudayaan risalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berdasarkan kepada wacana tentang kebudayaan yang disampaikan pada tahun 1989 di Kuala Lumpur.

Apa yang penting ialah saya sentiasa berdoa dan berharap setiap apa yang dihasilkan dalam kajian dan kertas kerja membawa sinar atau lampu suluh kepada mereka yang memerlukan. Biarlah kajian itu efektif demi kegunaan bersama untuk masa depan. Ia adalah suatu khazanah dan aset bagi keintelektualan tamadun Islam sendiri.

Saya sekadar lebai kampung

SAYA dengan rendah hati mengaku tidak mempunyai sebarang 'autoriti'. Maksudnya, saya tidak menganggap diri ini sebagai seorang 'specialist' atau pakar dalam mana-mana bidang. Saya anggap diri ini masih 'student' atau seorang pelajar terhadap ilmu dan pemikiran Islam.

Bagi saya, masih banyak kekurangan dalam diri ini. Sebenarnya ia baik terhadap diri saya kerana takut nanti sekiranya takbur atau riak, itu akan menjatuhkan diri sendiri di sisi Allah dan kemanusiaan. Bagaimanapun, kalau orang lain berpandangan lain terhadap diri ini, itu hak mereka.

Namun saya anggap diri ini sebagai seorang lebai kampung, malah berasa seronok dan tidak ada rasa apa-apa sekiranya orang lain memanggil begitu. Realitinya, masih ramai beranggapan panggilan lebai itu adalah sesuatu yang 'low grade' atau sesuatu yang menghinakan. Inilah yang berlaku sekarang.

Malah saya percaya rancangan sedemikian (memanggil lebai) berjaya merosakkan pemikiran masyarakat kita. Perlu diingat bahawa orang dulu dalam masyarakat tradisional, lebai adalah golongan yang cukup dihormati termasuk pahlawan Melayu, Hang Tuah juga belajar atau mengaji dari lebai. Kalau dulu ada lebai Melayu dan lebai Jawa.

Itu realiti dulu tetapi kenapa nama lebai sering disalah tafsir. Inilah situasi di mana ada cubaan merosakkan mentaliti atau rancangan yang sengaja dijalankan pihak tertentu untuk memusnahkan institusi keagamaan masyarakat Melayu.

Sampaikan khutbah pun boleh menjadi rosak sekiranya disalahgunakan, maka hinalah khutbah itu. Sepatutnya kerja khutbah itu adalah bagi golongan anbia. Begitu hebatnya pemikiran Barat yang sudah meracuni masyarakat kita sendiri.

Malaysia negara Darul Islam, bukan sekular

PENGALAMAN berceramah dan membentangkan kertas kerja di luar negara adalah sesuatu yang menarik. Pelbagai pandangan, pendapat dan tidak kurang kritikan boleh diperoleh dan dihindarkan sebagai satu parameter terhadap diri ini.

Setakat ini, saya pernah ke luar negara seperti Taiwan, Turki, Amerika Syarikat, Australia dan Vatican City. Seperti di Turki, ada satu kelompok yang memahami wacana Ibnu Khaldun mengenai analisis berkaitan ketamadunan Islam. Banyak perbincangan yang segar dilaksanakan.

Antara persoalan yang menarik ditanya kepada saya ialah bagaimana pengamatan saya terhadap dakwaan Malaysia sebagai sebuah negara sekular.

Malah, pertanyaan itu seolah-olah mengatakan ada suara pengaruh mengaitkan bahawa Malaysia sebagai negara sekular dalam erti kata yang kekal.

Secara definisi, saya menjawabnya, itu tidak tepat. Dari aspek wacana hukum Islam arus perdana, Malaysia adalah negara Darul Islam. Jadi ia tidak ada kena mengena atau menjatuh hukum Malaysia sebagai negara sekular.

Kalau ia sebuah negara sekular, secara takrif ialah ia merujuk pengecualian agama dari semua ruang awam. Di Malaysia, mana sebenarnya ruang awam yang agama boleh masuk? Adakah ia bermaksud pendidikan, ketenteraan atau kebudayaan. Di sini jelas bahawa Islam adalah agama yang fleksibel atau syumul kerana boleh masuk semua bidang tanpa ragu-ragu.

Ada juga orang asing bertanyakan fenomena kedatangan British yang memberi hak agama dan adat kepada Sultan atau Raja adalah timbal balik kepada peralihan kuasa mereka dalam pentadbiran sebagai amalan sekularisme.

Saya mengatakan ia bukan satu proses mengenakan falsafah sekularisme ke atas Semenanjung Tanah Melayu, malah istilah itu tidak ada langsung dalam dokumen rasmi Persekutuan walaupun perjanjian itu sudah dicetak rapi.

Logik pada jawapan adalah perlu supaya tidak ada elemen yang mengelirukan masyarakat dunia terhadap pembawaan Malaysia sebagai sebuah Darul Islam. Kerana itu, ramai masyarakat antarabangsa kagum dengan kebolehan Malaysia mengendalikan sebarang isu berkaitan agama.

Ini soal sejagat kerana Islam sekarang dipandang serong. Sebarang kekeliruan perlu dibetulkan segera supaya tidak melarat-larat atau disalahertikan.

Yang penting ialah Mahzab Shafie atau ahli sunnah wal jamaah perlu kita tunduk atau ikuti dan bukan mana-mana pemikir yang merangka pemikiran individu dan kemudian dijadikan satu mahzab supaya namanya ditonjolkan. Itu tidak betul.

Kagum Pope menghormati al-Quran

SATU pengalaman menarik bagi diri saya ketika berada dalam rombongan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad bagi lawatan bertemu pemimpin Roman Katolik, Pope John Paul II atau nama sebenarnya Karol Jozef Wojtyla di Vatican City, tiga tahun lalu serta anggota lain kerajaan Holy See itu.

Cuma apa yang saya masih ingat dalam pertemuan itu ialah perbincangan bagaimana usaha untuk mencegah pihak tertentu merosakkan agama selain ada unsur untuk memusnahkan hubungan harmoni umat yang beragama.

Saya sendiri kagum kepada Pope yang menghormati al-Quran sehingga sanggup mencium al-Quran itu. Malah, beliau telah memberi nasihat kepada penganut Kristian supaya mengikut contoh orang Islam di mana moralnya lebih baik daripada orang Kristian dan ibadat orang Islam lebih baik daripada orang Kristian.

Saya beranggapan sukar untuk mendapat komen daripada seorang pemimpin tertinggi agama lain selain daripada dia (Pope John Paul II). Jadi memandang kepada peribadi tinggi itu, lawatan yang diikuti sangat berjaya walaupun ada segelintir memberi tanggapan negatif secara 'spiritual' adalah tidak wajar.

Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah penerusan dalam dialog agama dan orang Islam perlu membuat persiapan dan mematangkan diri dari aspek intelektual, moral dan rohani supaya dapat menjayakan dialog tamadun dengan cara yang disarankan oleh al-Quran.

Kalau tidak ada dialog, maka tidak ada penyertaan. Umat Islam perlukan penyertaan dan maklum balas terkini supaya ada kesuburan dari aspek pemahaman ilmu, kematangan kerohanian dan moral serta ketinggian agama.

Islam Hadhari - rakyat perlu dididik bukan diasak

DIALOG agama berterusan dapat dijadikan intipati yang boleh mengembangkan ilmu. Sebab itu, pengenalan Islam Hadhari yang dicetuskan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi amat bertepatan sekali. Islam Hadhari adalah yang menghimpunkan atau mencernakan untuk berhadapan dengan tamadun lain.

Perlu diingatkan, Islam Hadhari subur di Timur Tengah. Ini terbukti orang Arab Islam dan orang Arab Kristian dihimpunkan dalam satu ceramah anjuran Ikatan Persaudaraan Agama di Damsyik pada 2000 oleh Profesor Ramadan al-Bouti dan kemudian diperluaskan oleh seorang intelektual Islam Mesir, Muin Abdul Qudur.

Dalam internet sendiri sekurang-kurangnya ada 10 intelektual yang dihormati dalam dunia Islam Arab secara terang-terangan menyebut Islam Hadhari. Oleh itu, kalau ada orang di negara ini yang menyangka Islam Hadhari tidak digunakan oleh mana-mana golongan intelektual, saya beranggapan kenyataan sebegitu adalah salah.

Orang yang mengeluarkan kenyataan itu perlu diajak kembali dalam wacana yang menghimpun dan bukannya wacana yang memusnahkan. Mereka perlu faham bahawa istilah Islam Hadhari bukan direka-reka.

Justeru itu, rakyat perlu dididik dan jangan diasak. Jika diasak kemungkinan kesan negatif mungkin akan timbul, sebab orang akan kata ini (Islam Hadhari) tidak betul kerana ini sudah mengasak. Oleh itu, cara mendidik perlu dengan gaya yang betul dan diambil secara bertahap.

Strateginya ialah kita perlu menyerahkan kepada orang yang mempunyai pengamatan yang matang, pemikiran beradab dan berlembut dan orang itu boleh berbicara dengan menjemput dengan kaedah al-Quran. Menerusi kebijaksanaan, nasihat dan berhujah yang menarik lagi menjinakkan boleh memberi cerminan terhadap Islam Hadhari dengan lebih mudah dan jelas.

Hijrah daripada budaya koboi kepada bahtera

SEKARANG, umat Islam perlu berhijrah dari segi budaya ala-koboi kepada budaya bahtera. Perkara ini bukan direka atau bunyi menarik atau sebagai satu 'up to date'.

Seperti umum mengetahuinya, budaya koboi asalnya dari Amerika Syarikat yang berkembang melalui medium filem iaitu masyarakat sejagat tertarik seolah-olah ia budaya wira yang baik walaupun biadap, individualistik, tidak hormat pada adab dan orang tua pun dikatakan baik, mengambil sesuatu sesuka hati, berbahasa kasar sehingga timbul satu kenyataan bahawa orang Melayu baru perlu biadap sekiranya ingin berjaya.

Dari segi ketamadunan kononnya boleh bertahan dalam keadaan lama. Malah, budaya koboi sudah dianggap sebagai satu gaya hidup tetapi sebenarnya dalam tempoh jangka panjang itu, saya beranggapan sebagai satu gaya maut.

Jika satu tamadun yang mengamalkan atau membudayakan koboi, ia sebenarnya tidak boleh bertahan kerana prinsip akan terhakis, moraliti menjadi lemah, peribadi orang menjadi objek kebencian yang kesannya semakin ketara di negara Barat. Seolah-olah dunia itu satu frontier kepada mereka di mana orang lain dilihat sebagai kumpulan Red Indian.

Tetapi Rasulullah saw mengajar supaya masyarakat hidup dalam budaya bahtera. Walaupun masing-masing diberikan ruang dalam bahtera itu, mereka perlu ingat tidak sesuka hati menebuk dinding kapal semata-mata untuk mendapatkan air.

Jangan anggap ruang yang diberikan kepada mereka adalah hak mutlak kerana sesungguhnya apa yang dilakukan seseorang boleh memberi kesan kepada orang lain. Hidup secara muafakat dituntut kerana amalan itu berjaya pada zaman Nabi Muhammad ketika menubuhkan sebuah negara Islam di Madinah.

Hasil hijrah yang dibawa Rasulullah itu memberi kesan yang cukup efektif tetapi masih gagal difahami oleh masyarakat dunia terutama negara

Islam sekarang.

Dalam beristiqamah, orang yang menjelmakan dalam peribadi, prinsip dan keunggulan nilai sejagat sebenarnya sudah ada dalam Islam. Ini termasuk mempunyai keupayaan komunikasi yang baik, konsisten serta ketrampilan dilihat sebagai elemen yang menjadikan seseorang itu sebagai personaliti memuncak tinggi.

Orang sebegini boleh dijadikan contoh oleh orang lain. Maknanya kesannya terhadap penilaian itu akan berkembang, malah al-Quran ada menyebut yang bermaksud: Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum hingga mereka sendiri mengubah diri dan jiwa mereka.

Maksud mengubah pada jiwa itu ialah supaya jiwa menjadi penjelmaan kepada prinsip dan nilai yang benar, betul, indah, menarik, positif dan perkasa dan bukannya sebaliknya.

Walaupun untuk mengubah diri tidak boleh dilakukan sekelip mata tetapi kita perlu berjuang. Perjuangan itu dari segi paradigma berlaku pada beberapa tahap.

Pertama, kita perlu kenal apa yang benar atau tidak benar, apa yang patut atau tidak patut, dan memaksa diri melaksanakan perkara yang benar dan membuang apa yang patut atau tidak patut. Itu secara umum tetapi jelas.

Kedua pula, kita paksa diri mengulangi apa yang patut dan ketiga, kita jadikan benar dan patut itu kebiasaannya dan mengelak perkara negatif dan perlu tahan diri.

Akhirnya, kita jadikan tabiat yang sehati dengan diri apa yang benar dan patut serta mengelak apa yang tidak benar dan tidak patut.

Urusan duniawi biar berfaedah

SUDAH menjadi sifat saya sejak kecil sehingga terbawa-bawa ke alam dewasa, berkeluarga sehingga sekarang mempunyai rutin yang padat. Bukan bermakna saya tidak boleh berseronok atau meninggalkan hal duniawi tetapi setiap apa yang dilaksanakan itu biarlah berfaedah.

Isteri saya berfikiran terbuka dan amat berterima kasih kepada beliau kerana reda apa yang dilakukan oleh saya. Ini menyenangkan hati dan memudahkan kerja saya di jalan Allah.

Tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada saya perlu dilaksanakan supaya orang lain mendapat manfaat. Ilmu yang ada perlu disalurkan supaya ia berterusan. Inilah cabarannya dan selagi kudrat ini masih kuat, saya akan terus berdakwah.

Selagi bernafas, segala jempunan perlu dipenuhi kerana itu adalah harapan orang yang mahukan sesuatu kebaikan yang Allah sudah berikan kepada saya selama ini.

Saya sendiri tidak mempunyai apa-apa rahsia untuk terus berkarya atau membuat penyelidikan dan kajian yang berterusan. Cuma secara prinsipnya, saya kasih dan cinta kepada ilmu.

Ini terbukti dengan kata-kata ayah saya, Muhammad Musa, supaya mencari ilmu berteraskan agama agar kita dihormati dan hormat orang yang berilmu dan insya-Allah bahagia hidup di dunia dan akhirat.

Di mana saja saya pergi, saya kerap mengatakan diri ini bukan seorang sarjana dan bukan di bawah kelompok ulama, tetapi selaku pencinta ilmu. Menerusinya, saya mampu berhujah dan berbicara dengan izin-Nya.

PROFIL

Nama : Dr Muhammad Uthman El-Muhammady

Lahir : 9 Februari 1943

Asal : Kampung Teluk Panji, Kota Bharu

Isteri : Mariam Hussin

Anak : 12 orang dan 33 cucu

Pendidikan:

Bermula pendidikan dengan bersekolah Melayu, kemudian memasuki Special

Malay Class 1943 di Sekolah Sultan Ismail, Maktab Sultan Ismail hingga ke Tingkatan 5 (MCE); Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Star, Kedah (HSC); Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Islam) Universiti Malaya (1963); Ijazah Sarjana (Pengajian Islam) UM - 1969; Ijazah Doktor Persuratan Kehormat (D.Litt.) Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1995 kerana usaha-usaha dan penulisan dalam pemikiran Islam dan dakwah.

Pekerjaan:

Pensyarah Universiti Malaya (1969-1973); Felo Amat Utama Akademik Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (Istac), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (1995 - kini); Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam (1995 hingga kini) dan penceramah bebas.

Sumbangan:

Menghasilkan beratus-ratus penulisan berkaitan ketamadunan Islam serta membentang kertas kerja dalam seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa tentang Islam dari segi akidah, kerohanian, akhlak, budaya dan falsafah. Beliau juga telah menterjemah buku dari bahasa Arab dan Inggeris selain daripada tulisan asli.

Pengiktirafan: Tokoh Maal Hijrah 1426.

(END) Source : Berita Harian